

Perpindahan pelajar Kuin selesai Disember ini

ALOR SETAR - Proses perpindahan pelajar Kolej Universiti Insaniah (Kuin) ke kampus induk di Kuala Ketil, Baling yang dilaksanakan secara berperingkat dijangka selesai, Disember ini.

Rektornya, Profesor Datuk Mohd Yusof Kasim berkata, antara jabatan dan kulliyyah yang terlibat ialah Al-Quran dan Sunnah, Bahasa Arab, Usuluddin, Syariah dan Undang-undang serta Muallamat.

Bagaimanapun, Kulliyyah Perubatan dan Sains Kesihatan, Jururawat dan Kaunseling kekal di kampus Mergong.

"Jabatan dan kulliyyah terlibat akan menentukan proses perpindahan. Ada yang buat keputusan mahu pindah awal dan ada yang mahu Disember," katanya.

Beliau berkata, pembinaan asrama pelajar yang terbengkalai juga sudah hampir siap sepenuhnya.

"Kita yakin, persekitaran di kampus induk lebih kondusif untuk pembelajaran serta mampu menarik minat lebih ramai kemasukan pelajar baharu," katanya.



Kampus Kuin Kuala Ketil. Gambar kecil: Mohd Yusof.

Menurutnya, kedudukan kampus juga strategi berhampiran sempadan tiga negeri Kedah, Perak dan Pulau Pinang dapat membantu meningkatkan pembangunan dan ekonomi di kawasan sekitar.

Mac tahun lalu, pelajar Kulliyyah Muamalat, Perhotelan, Kejuruteraan, Multimedia dan Pusat Pengajian Asasi diarah berpindah ke kampus Kuala Ketil bagi peringkat pertama.

Bagaimanapun, pelajar Kulliyyah

Muamalat diarah berpindah kembali ke kampus Mergong kerana asrama pasang siap yang dijadualkan siap 17 Mac masih tidak boleh digunakan.

Pelajar Kulliyyah Muamalat diarah berpindah selepas cuti Aidilfitri pada Ogos lalu berikutan asrama di duduki di Bukit Selambau hanyalah penempatan sementara.

Hanya Kulliyyah Muamalat diarah berpindah manakala yang lain kekal di Kuala Ketil.